

Sejarah Tahun 5, Jata Negara

Padankan lambang jata negara ini pada maksudnya yang tepat (rujuk buku teks ms 114-116)



Merujuk kepada Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Merah & kuning ialah Selangor. Hitam & putih ialah Pahang. Hitam, putih & kuning ialah Perak. Merah, hitam & kuning ialah Negeri Sembilan



Pokok Melaka yang mewakili negeri Melaka



Lima bilah keris melambangkan negeri Perlis, Kedah, Kelantan, Terengganu, dan Johor yang dahulunya dikenali sebagai Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu



Pokok Pinang dan jambatan yang mewakili negeri Pulau Pinang



Dua ekor harimau melambangkan keberanian



Bintang pecah 14 lambang perpaduan 13 buah negeri dan Kerajaan Persekutuan dalam Malaysia. Bulan sabit & bintang bermaksud Islam sebagai agama rasmi Persekutuan Malaysia



Cogan kata 'Bersekutu Bertambah Mutu' bermaksud semangat permuafakatan akan mempererat perpaduan antara rakyat di Malaysia



Jata negeri Sabah dan Sarawak melambangkan negeri Sabah & Sarawak. Bunga raya melambangkan bunga kebangsaan negara Malaysia

Pilih jawapan yang tepat

Berikut merupakan apa yang akan berlakunya sekiranya rakyat Malaysia menghayati dan mengamalkan cogan kata Jata Negara dalam kehidupan seharian, **kecuali**

- A. Negara aman damai
- B. Masyarakat berbilang kaum di Malaysia berpecah belah
- C. Masyarakat hidup bersatu padu
- D. Peperangan tidak akan berlaku